

14/07/2001

PM rasmi tilawah peringkat kebangsaan di Kuantan

KUANTAN, Jumaat - Majlis Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan ke-44 akan diadakan di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Jalan Teluk Sisik, di sini, selama lima hari bermula 25 September ini.

Majlis bertemakan 'Perpaduan Pemangkin Pembangunan Ummah' itu dijangka dirasmikan pembukaannya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sultan Pahang pula dijangka merasmikan upacara penutupannya pada 29 September.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata pemilihan Pahang sebagai tuan rumah majlis tilawah itu berdasarkan sistem giliran.

"Mengikut sistem itu, negeri ini akan dipilih semula dalam tempoh 14 tahun akan datang," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pengelola Majlis Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan ke-44, di sini, hari ini.

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin; Timbalan Menteri Besar, Datuk Tan Mohd Aminuddin Ishak; ahli mesyuarat kerajaan negeri serta ketua jabatan negeri dan Persekutuan.

(END)